

Garis panduan majlis babitkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam

# Cadangan pelaksanaan perlu ambil kira perpaduan nasional

Kementerian akan terus semarak Dialog Harmoni perkukuhkan keharmonian, galak interaksi antara agama

Oleh Ercy Gracella Ajos  
ercy.gracella@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dasar berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis membabitkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam di negara ini, perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta terlebih dahulu mendapat kelulusan Kabinet.

Pendirian itu diputuskan dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara Da-

tuk Aaron Ago Dagang, dalam kenyataan bersama, menjelaskan perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan umat Islam mengenai jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin membabitkan unsur-unsur keagamaan.

"Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengambil inisiatif membangunkan garis panduan berkenaan.

"Mengambil kira bahawa perkara ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, Jemaah Menteri bersetuju JAKIM boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat itu tidak bersifat dasar," katanya mereka dalam kenyataan itu.

Mereka berkata, pada masa sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.



Kerajaan MADANI menyedari bahawa kestabilan negara bergantung pada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana aman dan harmoni. (Foto fail NSTP)

"Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

"Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama," katanya.

Mesyuarat JK HARMONI Bil

1/2025 dijadualkan pada bulan ini, bagi mendengar segala pandangan ahli-ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).

"Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia. Kerajaan MADANI menyedari bahawa kestabilan negara bergantung pada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam

suasana aman dan harmoni," katanya.

Sebelum ini, Mohd Na'im dilaporkan berkata, garis panduan itu dibangunkan JAKIM bagi menggalakkan perhubungan sosial dan budaya harmoni dalam kalangan masyarakat majmuk berbilang agama di negara ini.

Bagaimanapun, cadangan itu mencetuskan perdebatan dengan beberapa pihak dalam kalangan pemimpin bukan Islam, meminta dikaji semula garis panduan itu.